

CNS5623

R PB 11-06 00180 BA824

AAB

Mahathir - Anwar

ANWAR TIDAK AKAN BERTANDING TIMBALAN PRESIDEN

KUALA LUMPUR, 11 Jun (Bernama) -- Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan bertanding jawatan Timbalan Presiden pada perhimpunan parti November ini, demikian diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata bahawa Anwar telahpun memvatakan pendiriannya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Mailis Tertinggi (MT) UMNO di sini, Dr Mahathir berkata, sepanjang pengetahuan beliau, jawatan Presiden juga tidak akan ditandingi.

Beliau berkata, MT bersetuju pertandingan hanya berlaku pada peringkat Naib Presiden dan Mailis Tertinggi.

"Mungkin ada orang berkata ini tidak demokratik dan sebagainya, tetapi kalau kita tidak perlu bertanding, walaupun kita demokratik, tak payahlah bertanding," katanva.

"Kita tidak perlu bertanding semata-mata kerana kita demokratik."

Dr Mahathir berkata, demi kestabilan parti, MT mendapati bahawa untuk ketika ini adalah lebih baik kalau tiada pertandingan pada peringkat presiden dan timbalan presiden.

Baapaimanapun jika ada pihak yang ingin bertanding juga, parti tidak boleh berbuat apa-apa, kata beliau. -- Lagi.

♥11/06/12-56MST

CNS5669

R GB 11-06 00182 BC420

BAH

Mahathir - Anwar 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata masih terdapat cakap-cakap pada peringkat bawahan, kononnya beliau merestui kempen bagi jawatan Timbalan Presiden walaupun tiada pertandingan.

"Ini tidak benar sama sekali. Saya tidak pernah memberi restu kepada sesiapa pun bertanding jawatan Timbalan Presiden," katanya dan meminta perbuatan itu dihentikan.

Katanva, pada masa ini Umno adalah stabil dan sebarang pendapat yang mengatakan parti itu berpecah dua atau tiga dibuat oleh mereka yang tidak simpati kepada Umno dan mahu melihat parti itu bergolak.

Dr Mahathir berkata, pemberita memang suka kalau ada pergolakan dalam Umno kerana ini akan menjadi bahan berita.

Sebagai contoh, katanya, apabila Kemboja mengadakan pilihan raya secara aman pemberita begitu kecewa kerana tiada pembunuhan berlaku.

"Saya berharap suratkhbar di Malaysia tidak mengharapkan keghairahan semacam itu. Kita tidak ada keghairahan sedemikian," katanya.

Dr Mahathir berkata anggota Umno adalah rasional dan tidak ada yang ingin merebut kuasa.

"Jenis yang suka rebut kuasa sudah keluar. Kita menyambut baik mereka berada di luar parti," katanya. -- Bernama

ROI ZU

♥11/06/14-25MST

CNS5787

R GB 11-06 00158 BA035

AAB

Mahathir - Anwar 3 (Akhir) Kuala Lumpur (Sambungan Berita)

Ketika ditemui pemberita, Anwar berkata, beliau tidak mahu mengulas lanjut mengenai perkara itu kerana masih berpegang kepada kenyataan sebelumnya bahawa beliau tidak berhasrat untuk bertanding.

"Saya hairan mengapa isu ini menjadi berita hangat kepada anda," kata beliau ketika meninggalkan ibu pejabat UMNO.

Ketika ditanya sama ada beliau menjangka anggota-anggota UMNO masih memintanya bertanding, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata: "Soalan itu tidak relevan."

Seorang lagi Naib Presiden, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata bahawa pada mesyuarat Mailis Tertinggi yang lepas, Dr Mahathir menyebut bahawa jawatan nombor dua tidak harus dicabar.

Bagaimanapun, oleh kerana Perdana Menteri tidak menyentuh tentang perkara itu pada persidangan akhbar selepas mesyuarat, kekeliruan nampaknya timbul mengenai perkara itu.

"Oleh kerana timbul kekeliruan itu, Perdana Menteri membuat keputusan untuk memberi penjelasan sendiri mengenai perkara itu hari ini," kata beliau. -- Bernama.

AZZ FAZ KAM.